

iterima dan direkodkan
pada 14/9/2000

Jen
Tandatangan



UNIT KLRC
18/9/2000

Bahagian Perhubungan
Jabatan Sijil Jasa Organisasi
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

warta DBKL

ISSN 1511 - 5364 MAC - APRIL 2000
NASKHAH PERCUMA

TIMBALAN KETUA MENTERI PULAU PINANG MENGUNJungi DATUK BANDAR

Timbalan Ketua Menteri, Pulau Pinang, Y.B. Dato' Dr. Hilmie bin Hj. Yahaya, baru-baru ini telah membuat kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman bin Shariff.

Kunjung hormat tersebut bertujuan untuk memanjangkan undangan rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghadiri Majlis Perasmian dan Penutup, Sukan Malaysia ke-VIII pada tahun 2000 ini yang akan diadakan di Pulau Pinang mulai 25 Mei hingga 3 Jun 2000. Di samping itu, ia juga untuk mendapatkan komitmen



Datuk Bandar (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang (dua dari kanan)

daripada negeri-negeri yang mengambil bahagian untuk menghantar kontinjen negeri masing-masing. Sembilan anggota rombongan yang turut menyertai kunjung

hormat itu terdiri daripada beberapa orang anggota Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan serta pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan.



Datuk Bandar bergambar bersama-sama dengan rombongan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang termasuk Maskot SUKMA ke -VIII, Bang Bayan dan Combee

KHABAR SEMASA

Dataran Merdeka	2
Simbol Perpaduan	2
Taman Konservatori	8
Skim Bantuan Sekolah	11

WARTA MENARIK

- Majlis Ibadat Korban
- Projek Anak Angkat
- Kawalan Pencemaran Udara di Bandar Raya Kuala Lumpur



9 771511 536005


DATARAN MERDEKA SIMBOL PERPADUAN

Padang Kelab Selangor merupakan tempat bersejarah ketika pengisytiharan kemerdekaan dan penurunan bendera *Union Jack* pada 31 Ogos 1957.

Padang Kelab Selangor kini dikenali sebagai Dataran Merdeka. Dataran ini mempunyai unsur-unsur sejarah kemerdekaan yang menjadi simbol perpaduan serta kebanggaan rakyat Malaysia.

ia telah dilancarkan dengan rasminya oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia pada tengah malam 31 Disember 1989, serentak dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990.

Dataran Merdeka yang luasnya 8.2 hektar terletak di Jalan Raja, iaitu di tengah-tengah pusat bandar berhampiran dengan



Dataran Merdeka terletak berhampiran Bangunan Sultan Abdul Samad

bangunan-bangunan negeri. Manakala di hujung bersejarah seperti bangunan bangunan timur yang dibina Sultan Abdul Samad, Kelab Diraja Selangor, Perpustakaan taman-taman hiasan dengan pancutan air. Satu Kuala Lumpur dan juga Infrastruktur padanya telah pun berusia lebih daripada 100 tahun. Dua

Di hujung bahagian barat Dataran ini berdiri dengan megahnya sebuah tiang bendera setinggi 100 meter, tiang tertinggi di dunia, di samping tiang-tiang lain yang mengibarkan bendera negeri-

buhan papan tanda elektronik memberi makluman kepada orang ramai mengenai peristiwa terbaru dan aktiviti semasa di ibu kota.

Sejak dilancarkan, Dataran ini telah menjadi tumpuan bagi pelbagai aktiviti yang tidak menjelaskan padang tersebut seperti hiburan, sukan dan juga upacara sambutan rasmi negara seperti sambutan Hari Kebangsaan.

Di bahagian bawah Dataran ini, terdapat sebuah kompleks membeli belah bawah tanah yang pertama di Malaysia. Kompleks ini mempunyai 83 ruang kedai yang menjual berbagai barang daripada pakaian hingga kepada salun kecantikan dan juga 26 gerai makan yang menyediakan pelbagai jenis makanan.

Para pelawat yang berkunjung ke sini tidak perlu bimbang mengenai tempat letak kereta kerana bersebelahan dengan kompleks ini, terdapat tempat letak kereta yang dapat menampung sebanyak 630 buah kenderaan.

Unit Pengurusan Bangunan, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bertanggungjawab untuk menyelenggara Dataran Merdeka termasuk tempahan. Tempahan boleh dibuat dengan menghubungi no. 03-291 6011 samb. 3872.



Kekihan tiang bendera tertinggi di dunia yang terletak di Dataran Merdeka

DARI MEJA EDITOR

Dalam keadaan masyarakat kita yang sensitif dengan perubahan dan pembangunan negara, sesuatu perlu ditangani dengan segera dan memberi faedah kepada masyarakat.

Sesungguhnya, tanggungjawab yang dipikul oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sememangnya berat, tidak dapat lari daripada kata-kata pujian dan kritikan. DBKL terpaksa melalui pelbagai cabaran dan perhatian terutama daripada tokoh-tokoh korporat, pelabur-pelabur, ahli-ahli politik, media massa dan warga kota yang semakin matang.

DBKL berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kacauan lalu lintas, banjir kilat, pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah, pembesaran jalan termasuk pembinaan jejambat, sukan dan rekreasi serta perdagangan.

Penekanan harus diberikan untuk mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk para pelancong dari luar negara dan meningkatkan modal perbur-pelabur asing.

Wawasan DBKL ingin mengimbangi pembangunan fizikal yang moden dengan warisan tradisional dan antara pembangunan konkrit dengan keindahan taman hijau. DBKL ingin menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya sahabat untuk warga kota dan pelancong, tanpa mengira bangsa, agama, kebudayaan hidup dalam aman dan harmoni.

Dengan imej yang lembut tetapi tegas, DBKL akan bertindak secara adil dan saksama kepada penduduk Kuala Lumpur.

Imej DBKL perlu *predictable* bukan *persuasive*. Mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang akan dikenakan tindakan tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Pegawai dan kakitangan DBKL diingatkan selalu supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej organisasi dengan memberikan perkhidmatan yang cekap kepada warga kota bekerja dengan cemerlang, bermotivasi tinggi dan berdisiplin. Mereka perlu berwaspada semasa menjalankan tugas dan berurusan dengan warga kota kerana segala tindakan, tingkah laku dan percakapan menjadi ikutan dan perhatian rakan sejawatan, kakitangan bawahan, orang awam atau media massa.

Penasihat :

Mohd Yusoff Bin Haji Ibrahim

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor:

Zainon Binti Haji Alias

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Nik Rozali Bin Nik Othman

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Zainon Binti Haji Alias

Tel: 03-291 6011 samb.3855

Faks: 03-298 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL

tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>

E-Mail: dbkl_pro@tm.net.my